**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN**
**TARIKH: 30 OKTOBER 2015 (JUMAAT)**

| Bil | Tajuk | Akhbar |
|---|---|---|
| 1 | Malaysia diiktiraf UNESCO | Kosmo |
| 2 | Mahdzir ketuai delegasi Malaysia ke Persidangan UNESCO | Utusan Malaysia |
| 3 | Jerebu: Rakyat Malaysia boleh tarik nafas lega | Utusan Malaysia |
| 4 | Monsoon storms in | The Star |
| 5 | Rough seas as north-east winds blow in | The Star |
| 6 | Pahang to get heaviest rainfall | New Straits Times |
| 7 | Relief in Southeast Asia as rain clears haze | The Malay Mail |
| 8 | JPAM aktifkan pusat pengumpulan bantuan mangsa banjir | Bernama.com |
| 9 | Jabatan kesihatan nafi warga emas mati minum air sungai tercemar di Gua Musang | Bernama.com |
| 10 | Hentikan segera semua aktiviti pertanian di kawasan empangan di Melaka | Bernama.com |

**KERATAN AKHBAR TEMPATAN**
**KOSMO (NEGARA) : MUKA SURAT 4**
**TARIKH: 30 OKTOBER 2015 (JUMAAT)**



MAHDZIR bakal mengetuai delegasi UNESCO kali ke-38 bermula 3 hingga 18 November ini

Dijangka bertanding menduduki kerusi Lembaga Eksekutif sesi 2015-2017

# Malaysia diiktiraf UNESCO

Oleh SAIRUL ZAMRI MISRANI

**MALAYSIA** akan menyertai persidangan Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) dalam persidangan yang bakal berlangsung bermula 3 hingga 18 November ini di Paris, Perancis.

Menteri Pendidikan, Datuk Seri Mahdzir Khalid akan mengetuai delegasi Malaysia ke persidangan yang ke-38 itu.

Malaysia juga dijangka bertanding untuk menduduki kerusi Lembaga Eksekutif UNESCO bagi sesi 2015-2017.

Malaysia mula menjadi negara anggota UNESCO sejak 16 Jun 1958 iaitu selepas 12 tahun ia ditubuhkan pada 16 November 1946 di London.

UNESCO merupakan salah satu dari 18 agensi khusus di bawah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Sepanjang menyertainya, Malaysia secara tidak langsung banyak terlibat secara aktif dalam menyokong pelbagai prinsip-prinsip yang dibawa oleh UNESCO.

Di bawah struktur organisasi UNESCO, terdapat tiga badan penting yang bertanggungjawab untuk menentukan hala tuju UNESCO iaitu Lembaga Eksekutif UNESCO, Sekretariat UNESCO dan Persidangan Agung UNESCO.

Sebanyak 195 buah negara anggota UNESCO dijangka menghadiri Persidangan Agung UNESCO tersebut dan Malaysia turut dihadiri oleh Jawatankuasa Kecil Tetap Suruhanjaya Kebangsaan UNESCO Malaysia (SKUM).

SKUM diwakili oleh enam kementerian utama iaitu Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi; Kementerian Komunikasi dan Multimedia; Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan; Kementerian Luar dan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Penglibatan Malaysia secara aktif telah direalisasikan melalui keanggotaannya dalam pelbagai sub organ UNESCO seperti Jawatankuasa Warisan Dunia (WHC), Suruhanjaya Kajian Laut Antara Kerajaan (IOC), Majlis Penyelarasan Antarabangsa Manusia dan Biosfera (MAB), Pengurusan Transformasi Sosial (MOST) dan Biro Pendidikan Antarabangsa (IBE).

Malaysia juga mempunyai dua buah pusat kategori UNESCO iaitu Pusat Sains, Teknologi dan Inovasi Antarabangsa bagi Kerjasama Selatan-Selatan (ISTIC) dan Pusat Serantau Tropika Lembap, Kuala Lumpur (HTCKL).

Sehingga kini, Malaysia masih mendapat pengiktirafan daripada UNESCO terutama dalam bidang kebudayaan yang mana beberapa kawasan di Malaysia telah diiktiraf sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO. Tapak-tapak berikut adalah seperti Gunung Kinabalu di Sabah, Taman Negara Mulu di Sarawak, bandar raya Melaka, George Town di Pulau Pinang serta Lembah Lenggong di Perak.

Selain itu, tarian Mak Yong yang berasal dari negeri Kelantan juga mendapat pengiktirafan sebagai Warisan Tidak Ketara UNESCO baru-baru ini. Dalam pada itu, Tasik Chini, Pahang dan Banjaran Crocker, Sabah juga telah diiktiraf oleh UNESCO di bawah program *Man and Biosphere*.




MALAYSIA kini meraih perhatian dunia selepas mendapat pelbagai pengiktirafan daripada UNESCO terutama dalam bidang kebudayaan.



GUNUNG Kinabalu merupakan satu daripada kawasan yang diiktiraf sebagai tapak warisan dunia UNESCO.



TARIAN Mak Yong merupakan satu daripada cabang seni kebudayaan yang mendapat pengiktirafan daripada UNESCO.




BEBERAPA penari sedang membuat persembahan sempena dengan Hari UNESCO Malaysia di Kuala Lumpur baru-baru ini.

**KERATAN AKHBAR TEMPATAN**
**UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 5**
**TARIKH: 30 OKTOBER 2015 (JUMAAT)**

# Mahdzir ketuai delegasi Malaysia ke Persidangan UNESCO

MENTERI Pendidikan Datuk Seri Mahdzir Khalid akan mengetuai delegasi Malaysia ke Persidangan Agung Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan (UNESCO) Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) pada 3 November di Paris, Perancis.



MAHDZIR KHALID

Persidangan kali ke-38 ini akan berlangsung sehingga 18 November yang mana Malaysia dijangka bertanding untuk menduduki Lembaga Eksekutif UNESCO bagi sesi tahun 2015-2017.

Malaysia merupakan negara anggota UNESCO sejak 16 Jun 1958, iaitu dua tahun selepas ia ditubuhkan pada 16 November 1946 di London. UNESCO merupakan salah sebuah daripada 18 buah agensi khusus di bawah PBB.

Sepanjang menyertai UNESCO, Malaysia telah terlibat secara aktif dalam menyokong prinsip-prinsip yang dibawa oleh pertubuhan itu. Di bawah struktur organisasi UNESCO, terdapat tiga buah badan penting yang bertanggungjawab untuk menentukan hala tuju pertubuhan tersebut iaitu Lembaga Eksekutif, Sekretariat UNESCO dan Persidangan Agung UNESCO.

Seramai 195 buah negara anggota UNESCO akan menghadiri persidangan tersebut dan Malaysia turut dihadiri oleh Jawatankuasa Kecil Tetap Suruhanjaya Kebangsaan UNESCO Malaysia (SKUM).

SKUM diwakili oleh enam buah kementerian, iaitu Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi; Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia; Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan; Kementerian Luar dan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Penglibatan Malaysia secara aktif telah direalisasikan melalui keanggotaannya dalam pelbagai *sub-organ* UNESCO seperti *World Heritage Committee* (WHC), *Intergovernmental Oceanographic Commission of UNESCO* (IOC), *International Coordinating Council of the Man and Biosphere* (MAB), *Management of Social Transformations* (MOST) dan *International Bureau of Education* (IBE).

Malaysia juga mempunyai dua buah pusat kategori-2 UNESCO iaitu *International Science, Technology and Innovation Centre for South-South Cooperation* (ISTIC) dan *Humid Tropics Centre Kuala Lumpur* (HTCKL).

Malaysia juga mendapat pengiktirafan UNESCO dalam bidang kebudayaan yang mana beberapa kawasan di Malaysia telah diiktiraf sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO.

Antaranya Gunung Kinabalu, Sabah, Taman Negara Mulu, Sarawak, Bandaraya Melaka dan Georgetown serta Lembah Lenggong, Perak. Selain itu, tarian Mak Yong telah juga diiktiraf sebagai Warisan Tidak Ketara UNESCO melalui *Proclamation of the Masterpieces of the Oral and Intangible Heritage of Humanity*.

Tasik Chini, Pahang dan Banjaran Crocker, Sabah pula diiktiraf oleh UNESCO di bawah Program *Man and Biosphere*.






TARIAN Mak Yong juga telah diiktiraf sebagai warisan tidak ketara UNESCO.

**KERATAN AKHBAR TEMPATAN**
**UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 14**
**TARIKH: 30 OKTOBER 2015 (JUMAAT)**

# Jerebu: Rakyat Malaysia boleh tarik nafas lega

**KUALA LUMPUR 29 Okt.** - Orang ramai sudah boleh menarik nafas lega dan tidak perlu risau akan dibelenggu asap jerebu, seiring dengan kehadiran musim tengkujuh bermula Ahad ini.

Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi Malaysia (JMM), Datuk Che Gayah Ismail berkata, musim tengkujuh atau Monsun Timur Laut yang bermula bulan November hingga Mac akan menghalang asap jerebu sampai ke Malaysia.



**CHE GAYAH ISMAIL**

"Walaupun taufan atau siklon tropika di Selatan Filipina berlaku, angin Monsun Timur akan meniupkan asap jerebu tersebut dan saya yakin kita akan selamat daripada diliputi asap jerebu hingga Mac.

"Walau bagaimanapun, jika pada bulan April pembakaran hutan di Indonesia masih berlaku, kita berisiko mendapat fenomena jerebu semula dengan keadaan El-Nino," katanya yang dihubungi di sini hari ini.

Dalam pada itu, laman web Jabatan Alam Sekitar (JAS) menunjukkan kualiti udara di seluruh negara pulih sepenuhnya setakat pukul 5 petang.

Sebanyak 39 kawasan mencatatkan Indeks Pencemaran Udara (IPU) baik di bawah bacaan 50 dan 13 kawasan berada pada tahap sederhana.

Antara kawasan yang mencatatkan bacaan IPU baik adalah Kapit, Sarawak (19); Paka, Terengganu (22); Kota Tinggi, Johor (23); Keningau, Sabah (26) dan Batu Muda, Kuala Lumpur (49).

Antara kawasan yang mencatatkan bacaan IPU sederhana adalah Pelabuhan Kelang, Selangor (65); Bakar Arang, Sungai Petani, Kedah (57); Kota Kinabalu, Sabah (56); Shah Alam, Selangor (54) dan Pasir Gudang, Johor (52).